



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

MAIK TERIMA ZAKAT SYARIKAT KESEDAR RM 215

RIBU

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (64)

Gua Musang, 22 Mei – Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan menerusi anak syarikatnya iaitu KESEDAR Holding Sdn Bhd (KHSB) serta syarikat subsidiarinya mengagihkan sumbangan zakat berjumlah RM215,307 bagi tahun 2021 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Timbalan Menteri 1 Pembangunan Luar Bandar, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, berkata, sumbangan zakat ini adalah salah satu usaha KESEDAR dalam membantu meringankan beban golongan asnaf di negeri ini.

Katanya, ia juga adalah langkah mengurangkan beban kewangan golongan asnaf yang terkesan akibat pandemik yang berlarutan sebelum ini menerusi MAIK sebagai badan yang dipertanggungjawab untuk menguruskan zakat, infaq, wakaf dan baitulmal serta pentadbiran masjid yang amanah dan professional.

“Malah ini membuktikan modus operandi KHSB dan syarikat subsidiarinya patuh syariah serta terus komited dalam menunaikan tanggungjawab bagi membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar di negeri ini.

"Pada tahun lalu, KHSB juga turut mengagihkan sumbangan zakat menerusi platform yang sama iaitu berjumlah RM214,049 dan sumbangan ini membuktikan anak syarikat KESEDAR tidak menfokuskan kepada keuntungan semata-mata," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Mock-up Cek kepada MAIK menerusi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KESEDAR yang berlangsung di Dewan Dato' Ariffin Said, di sini.

Simbolik penyerahan itu diserahkan kepada wakil MAIK iaitu Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Masjid Tengku Razaleigh Hamzah, Mohd Amirul Fahmi Abdul Rashid.

Dalam pada itu, KESEDAR juga turut menyampaikan sumbangan zakat kepada 120 golongan asnaf yang terdiri daripada anak yatim, ibu tunggal, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang diraikan dalam majlis berkenaan.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

**DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD
TIMBALAN MENTERI I PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
22 MEI 2022**

